



Nilai UMI sentiasa sesuai dengan keperluan semasa — MB Kelantan

# DARULNAIM

ISSN 1311-6891 | ZULHIJAH 1447H | 22 MEI-06 JUN 2026

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

**Kesatuan ummah, kasih sayang tanpa syarat teras Penghayatan Hari Wukuf**

**Kelantan mahu bangun rantai industri REE bernilai tinggi, makmal standard global dibuka**

**Saman hingga RM2,000 menanti pembuang sisa pukat dalam tong sampah awam**

## KPJ Perdana lonjak Kelantan sebagai destinasi pelancongan kesihatan serantau

Oleh: Syamimi Manah

**KOTA BHARU, 4 Jun** – Pembangunan bangunan baharu Hospital Pakar KPJ Perdana dijangka melonjakkan kedudukan Kelantan sebagai destinasi pelancongan kesihatan serantau menerusi penyediaan kemudahan rawatan moden, lengkap dan berdaya saing.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud berkata, projek berkenaan selaras dengan usaha Kerajaan Negeri Kelantan untuk memperkukuh agenda pelancongan kesihatan sebagai antara sektor pertumbuhan baharu yang berpotensi menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri.

Beliau turut merakamkan ucapan tahniah kepada KPJ Healthcare Berhad Hospital Pakar KPJ Perdana serta Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) atas komitmen berterusan dalam memperkasakan pembangunan sektor kesihatan di negeri ini.

Menurutnya, kewujudan kemudahan kesihatan berkualiti tinggi seperti Hospital Pakar KPJ Perdana mampu menarik lebih ramai pelancong kesihatan dari luar negara, khususnya Indonesia dan negara-negara serantau, sekali gus meningkatkan imej Kelantan sebagai destinasi pilihan bagi mendapatkan perkhidmatan kesihatan.

“Selain menawarkan rawatan berkualiti, pembangunan ini turut



memberi limpahan ekonomi kepada pelbagai sektor lain termasuk pengangkutan, penginapan, makanan, peruncitan dan industri sokongan yang berkaitan,” katanya ketika merasmikan Majlis Pelancaran Pembangunan Bangunan Baharu Hospital Pakar KPJ Perdana, di sini, hari ini.

Beliau berkata, masyarakat hari ini semakin memerlukan akses kepada rawatan yang lebih cepat, menyeluruh dan berkualiti, khususnya melibatkan rawatan pakar serta perkhidmatan kesihatan yang memerlukan kepakaran khusus.

Sehubungan itu, pembangunan bangunan baharu hospital tersebut merupakan satu langkah signifikan dalam memperkukuh kapasiti dan akses penjagaan kesihatan di Kelantan bagi memenuhi keperluan rakyat yang semakin meningkat.

Katanya, kerajaan negeri men-

yambut baik pelaburan strategik seperti itu kerana ia memberi manfaat kepada rakyat dari sudut akses rawatan dan membantu mewujudkan peluang pekerjaan baharu serta merencanakan pertumbuhan ekosistem kesihatan di Pantai Timur.

Dalam pada itu, Menteri Besar Kelantan berkata, pembangunan berkenaan juga dapat membantu mengurangkan kebergantungan rakyat Kelantan terhadap kemudahan rawatan di luar negeri, khususnya bagi mendapatkan rawatan pakar dan rawatan yang lebih kompleks.

“Dengan kapasiti yang lebih besar serta kemudahan yang lebih menyeluruh pada masa hadapan, pembangunan ini akan memperkukuh lagi peranan Hospital Pakar KPJ Perdana sebagai antara institusi kesihatan swasta utama di negeri ini,” jelasnya.

Dato’ Mohd Nassuruddin turut



Dengan kapasiti yang lebih besar serta kemudahan yang lebih menyeluruh pada masa hadapan, pembangunan ini akan memperkukuh lagi peranan Hospital Pakar KPJ Perdana sebagai antara institusi kesihatan swasta utama di negeri ini”

menegaskan bahawa pembangunan sektor kesihatan perlu sentiasa meletakkan kesejahteraan insan sebagai matlamat utama selaras dengan aspirasi Penghayatan Membangun Bersama Islam agar setiap kemajuan yang dicapai benar-benar memberi manfaat kepada rakyat.

Tambahnya, kemudahan kesihatan moden dan kompetitif seperti Hospital Pakar KPJ Perdana juga berpotensi menjadi pemangkin kepada pertumbuhan industri pelancongan kesihatan negeri, sekali gus menyumbang kepada kemakmuran ekonomi dan kesejahteraan masyarakat secara menyeluruh.

Majlis tersebut menyaksikan pelancaran rasmi pembangunan bangunan baharu Hospital Pakar KPJ Perdana yang bakal memperluaskan kapasiti perkhidmatan kesihatan serta memperkukuh daya saing Kelantan sebagai destinasi pelancongan kesihatan serantau.



# MAIK laksana Majlis Ibadah Korban Jama'ie, 1,400 ketua isi rumah terima agihan

Oleh: Asri Hamat

**KOTA BHARU**, 28 Mei - Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) melaksanakan Majlis Ibadah Korban Jama'ie bagi tahun 1447H/2026M dan mengagihkan daging korban tersebut kepada 1400 ketua isi rumah dalam kalangan asnaf fakir dan miskin.

Majlis berlangsung di Kompleks Islam Jubli Perak Sultan Ismail Petra Panji, di sini, hari ini.

Sehubungan itu, Timbalan Yang Dipertua MAIK Dato' Mohd Anis Hussein berkata, sebanyak 53 ekor lembu dikorbankan pada program berkenaan termasuk dua ekor lembu kurniaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V untuk disembelih dan diagihkan kepada golongan yang layak.



Menurutnya, agihan daging korban itu disalurkan kepada penerima menerusi masjid bandar di jajahan Kota Bharu sebagai usaha membantu golongan memerlukan sempena sambutan Hari Raya Aidiladha.

“Program ibadah korban ini merupakan antara usaha MAIK dalam menyemarakkan syiar Islam serta mengeratkan ukhuwah sesama masyarakat melalui pengagihan

daging korban kepada golongan yang memerlukan,” katanya kepada media.

Menurutnya, pelaksanaan ibadah korban secara jama'ie itu turut mencerminkan komitmen MAIK dalam memperkukuh nilai kebersamaan, keprihatinan sosial dan semangat pengorbanan dalam masyarakat.

Dalam masa sama, beliau merakamkan penghargaan kepada



semua penyumbang terdiri daripada agensi kerajaan, badan berkanun serta pihak persendirian yang terus menyokong pelaksanaan program ibadah korban berkenaan.

“Semoga pelaksanaan ibadah korban pada hari ini diterima Allah SWT serta menjadi medium memperkukuhkan semangat kebersamaan, keprihatinan dan nilai pengorbanan dalam kalangan masyarakat,” ujarnya.

## Nilai UMI sentiasa sesuai dengan keperluan semasa — MB Kelantan

Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM**, 21 Mei - Prinsip dan nilai UMI yang menjadi teras pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa relevan serta mampu disesuaikan mengikut keperluan semasa tanpa mengubah perkara dasar dan usul utama, khususnya berkaitan agama.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang, Ustaz Dato' Mohd Nasruddin Daud berkata, pelaksanaan UMI bersifat terbuka menjadikannya fleksibel untuk diterjemahkan melalui kreativiti dan inovasi mengikut tuntutan zaman dalam pelaksanaan tugas penjawat awam.

“Pelaksanaan UMI bukanlah satu perkara yang jumud dan tertutup. Sebaliknya, konsep dan nilai UMI boleh diterjemahkan mengikut tuntutan serta keperluan semasa dalam pelaksanaan tugas.”

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan program Refresh UMI Kerajaan Negeri Kelantan di Dewan Tok Guru Bentara Setia, Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Menurutnya, dalam pelaksanaan Mas'uliyah, terdapat beberapa kaedah fiqh yang dijadikan asas termasuk “Al-Yaqin La Yazal Bi



al-Syak” yang membawa maksud keyakinan tidak boleh dihilangkan dengan keraguan.

Katanya, dalam konteks pentadbiran awam, penjawat awam perlu memastikan setiap urusan dilaksanakan mengikut peraturan ditetapkan serta mendapatkan penjelasan daripada pihak atasan sekiranya timbul keraguan.

Beliau turut menjelaskan kaedah “Ad-Dararu Yuzal” yang bermaksud kemudaratan hendaklah dihindarkan perlu diterapkan dalam urusan pentadbiran dengan mengenal pasti risiko serta memilih kaedah terbaik untuk mengatasinya.

“Prinsip dan nilai UMI ini hendaklah diolah dalam istilah pentadbiran awam supaya penjawat awam dapat memahami, melaksanakan dan menghayatinya dalam seluruh kehidupan.

“Dengan ini, kita dapat melahirkan anggota perkhidmatan awam negeri Kelantan yang beretika dan berakhlak mulia,” katanya.

Sebanyak tiga kertas kerja dibentangkan dalam program Refresh yang bertemakan “Memperkasakan Nilai Teras Ke Arah Kecemerlangan Kerja”.

Kertas Kerja Pertama dibentangkan oleh Penasihat Khas Institut Pemikiran Tok Guru (IPTG) yang juga Manta Menteri Besar YB Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Ahmad Yakob yang bertajuk Membangun Bersama Islam: Falsafah, Nilai Teras dan Budaya Kerja Cemerlang.

Kertas kerja kedua dibentangkan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, YBM Tengku Kaya Perkasa, Dato' Dr Tengku Mohamed Faziharudean al-Tengku Feissal yang bertajuk UMI sebagai teras In-



tegeriti Penjawat Awam: Memaknai ‘Ubudiyah Mas'uliyah dan Itqan dalam Pentadbiran.

Kertas kerja ketiga dibentangkan oleh Speaker Dewan Negeri Kelantan YB Dato' Sri Amar Diraja Dato' Dr. Mohd Amar Abdullah yang bertajuk Pelaksanaan UMI pada Era Al-Marhum Tuan Guru Tan Sri Dato' Bentara Setia Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Hadir sama, Penasihat Undang-Undang Kerajaan Negeri Kelantan YB Zawawi Ghazali, Pegawai Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan YB Dato' Rosnazli Amin, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan, Ahli-Ahli Dewan Negeri Kelantan, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Dato' Aziz Rahimi Mohamed, ketua-ketua jajahan dan ketua-ketua jabatan negeri dan persekutuan.

# Gangguan operasi feri Pengkalan Kubor perlu penyelesaian segera - Ahli Parlimen Tumpat



Oleh: Asri Hamat

**TUMPAT, 2 Jun** - Gangguan operasi feri di Pengkalan Kubor yang didakwa kerap berlaku perlu diberi perhatian serius oleh pihak berkaitan kerana ia membabitkan kehidupan penduduk serta ekonomi kawasan sempadan.

Perkara tersebut disuarakan oleh Ahli Parlimen Tumpat, YB Dato' Mumtaz Md Nawawi susulan dakwaan feri berkenaan sentiasa mengalami kerosakan secara purata dua kali sebulan menyebabkan operasi tidak dapat dilakukan dalam tempoh antara tujuh hingga 10 hari setiap kali berlaku gangguan.

Katanya, keadaan ini menyukarkan penggunaan memandangkan perkhidmatan feri tersebut berfungsi sebagai medium pengangkutan awam yang penting bagi masyarakat setempat.

"Dua kali sebulan purata berlaku kerosakan menyebabkan

perkhidmatan feri tidak dapat beroperasi antara tujuh hingga 10 hari. Keadaan ini menjejaskan tujuan utama perkhidmatan feri sebagai satu medium pengangkutan awam sekaligus turut menjejaskan ekonomi rakyat," katanya dalam satu hantaran di media sosial pada Isnin.

Tambah beliau, sudah tiba masanya pihak berwajib seperti Jabatan Kerjaraya (JKR) dan Kementerian Pengangkutan (MOT) mengadakan perbincangan serius untuk mencari jalan penyelesaian menyeluruh sama ada dengan membina jambatan dengan seberapa segera atau sebagainya demi

untuk menyelesaikan masalah rakyat.

Katanya lagi, isu berkenaan bukan sahaja membantutkan pergerakan harian rakyat malah turut berkait rapat dengan ekonomi sempadan.

"Zon Bebas Cukai (ZBC) menjadi ekonomi rakyat di kawasan sempadan dan feri adalah pengangkutan yang digunakan oleh penduduk setempat untuk membeli barangan serta menunggu kehadiran pelancong dan pembeli.

"Jadi perlu ada satu penyelesaian yang tuntas dan segera supaya masalah ini tidak terus berulang," ujarnya.

# Akuakultur Kelantan jana lebih RM236 juta dalam tiga tahun

Oleh: Asri Hamat

**BACHOK, 4 Jun** — Industri akuakultur Kelantan terus menunjukkan perkembangan memberangsangkan apabila merekodkan pengeluaran sebanyak 23,048.45 tan metrik dengan nilai melebihi RM236 juta sepanjang tempoh tiga tahun dari 2023 hingga 2025.

Pencapaian tersebut sekaligus membuktikan potensinya sebagai pemacu penting keterjaminan makanan dan pertumbuhan ekonomi negeri.

Sehubungan itu, Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, sektor akuakultur kini semakin mendapat perhatian masyarakat dan berpotensi untuk terus berkembang sebagai antara penyumbang utama kepada pengeluaran sumber protein negara.

Menurutnya, pencapaian tersebut berdasarkan rekod Jabatan Perikanan Negeri Kelantan yang menunjukkan prestasi positif industri akuakultur negeri dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini.

"Dalam keadaan dunia berhadapan pelbagai cabaran ekonomi dan perubahan iklim, sektor pengeluaran makanan tempatan mesti terus diperkasakan supaya bekalan sumber protein negara sentiasa stabil dan mencukupi.

"Akuakultur merupakan antara sektor yang sangat strategik kera-



na mampu menyediakan sumber makanan yang berkualiti, stabil dan mampu milik kepada rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan majlis penutup Pesta Ikan Hiasan dan Akuakultur Negeri Kelantan 2026 di Dataran Pantai Irama, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata kerajaan negeri akan terus memperkukuh pembangunan sektor akuakultur melalui pelbagai inisiatif termasuk bantuan input, latihan teknikal, pemindahan teknologi serta pembangunan kapasiti penternak.

Katanya, sebagai galakan kepada pemain industri, kerajaan negeri turut menyalurkan bantuan langsung berjumlah lebih RM382,094 kepada penerima yang

layak.

"Pada hari ini juga kita menyalurkan penyampaian bantuan input akuakultur bernilai lebih RM382,094 sebagai usaha memperkukuh pembangunan industri akuakultur di Kelantan.

"Antara bantuan yang disalurkan ialah RM120,000 kepada pemain industri perikanan darat serta RM167,461 kepada pemain industri asas tani," jelasnya.

Beliau berharap bantuan tersebut dapat meningkatkan produktiviti pengusaha sekaligus menjadi pemangkin kepada pertumbuhan industri perikanan negeri secara lebih mampan dan berdaya saing.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) turut meletakkan sektor akuakultur

sebagai antara bidang strategik dalam agenda keterjaminan makanan negara.

Menurutnya, KPKM menyalurkan pengeluaran akuakultur menyumbang 40 peratus daripada jumlah pengeluaran ikan negara menjelang tahun 2030.

"Industri akuakultur dijangka terus berkembang dengan pengeluaran negara pada tahun 2023 direkodkan sebanyak 506,000 tan metrik bernilai RM4.5 bilion," ujarnya.

Turut hadir, Pengarah Perikanan Negeri Kelantan Ismail Ibrahim, Ahli Dewan Negeri Pantai Irama YB Mohd Huzaimy Che Husin Ketua Jajahan Bachok Mohd Zaki Yusof serta Ketua Polis Daerah Bachok Supt. Mohamad Ismail Jamaluddin.

# Kesatuan ummah, kasih sayang tanpa syarat teras Penghayatan Hari Wukuf

Oleh: Norzana Razaly

**PASIR MAS, 26 Mei** - Kesatuan ummah dan kasih sayang tanpa syarat perlu terus diperkukuh dalam masyarakat Islam bagi memastikan kekuatan umat kekal terpelihara, selaras dengan roh ibadah haji yang menyatukan manusia tanpa mengira darjat, bangsa dan latar belakang.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata, ibadah haji membawa mesej besar penyatuan apabila umat Islam berhimpun dalam pakaian ihram berwarna putih sebagai lambang persamaan dan ketundukan kepada Allah SWT.

Menurutnya, meskipun pemakaian ihram putih bersifat sunat, namun syariat Islam menekankan kesatuan dalam perkara asas yang wajib dipatuhi.

"Pakaian ihram berwarna putih menggambarkan penyatuan umat. Dalam perkara wajib, tiada tolak ansur seperti kain kafan yang mempunyai ketetapan tersendiri.

"Manusia di sisi Allah SWT adalah sama seperti gigi sisir, yang membezakan hanyalah ketakwaan," jelasnya ketika menyampaikan tausiah sempena Program Sambutan Penghayatan Hari Wukuf anjuran Urus setia Penerangan dan Komunikasi Negeri



Kelantan (UPKN) di pekarangan Masjid Mukim Alor Buloh, di sini, hari ini.

Tambahnya, penghayatan Hari Wukuf perlu dijadikan ruang muhasabah diri, khususnya dalam memperkukuh perpaduan umat Islam agar tidak mudah berpecah sehingga melemahkan kekuatan bersama.

Beliau juga mengingatkan, ibadah wukuf di Arafah memperlihatkan kesatuan insan yang berhimpun tanpa mengira kedudukan, selaras dengan tuntutan Islam yang menyeru umat bersatu atas asas iman dan persaudaraan.

"Tekanan akan berlaku apabila umat Islam berpecah walaupun jumlahnya ramai. Sebaliknya, perpaduan menjadi asas kekuatan dalam membangunkan masyarakat dan negeri dengan acuan sendiri," katanya.

Beliau juga berharap umat Islam memanfaatkan kelebihan Hari

Arafah dengan melaksanakan puasa sunat yang sangat dituntut.

Memetik hadis riwayat Abu Qatadah al-Ansari,

Ahli Dewan Negeri (ADN) Meranti itu juga menjelaskan, Rasulullah SAW bersabda bahawa puasa pada Hari Arafah dapat menghapuskan dosa setahun yang lalu dan setahun yang akan datang.

"Rugilah jika kita tidak mengambil peluang berpuasa pada Hari Arafah kerana ganjarannya amat besar di sisi Allah SWT," katanya.

Terdahulu, Penolong Pengarah Kanan UPKN Mohamad Abdul Malik Abdul Karim menyampaikan kuliah bertemakan perjuangan dan kasih sayang tanpa syarat dengan menyoroti kisah sahabat Rasulullah SAW daripada pelbagai latar belakang sebagai lambang kesatuan ummah.

Beliau berkongsi kisah Ummu



Mahjan, seorang wanita berketurunan Habsyah yang berhijrah ke Madinah dan diberi amanah membersihkan Masjid Nabawi sebelum Rasulullah SAW menziarahi kuburnya selepas kepulangannya ke alam baqa sebagai tanda penghormatan.

Turut dikongsikan kisah Bilal ibn Rabah yang dimuliakan Rasulullah SAW sebagai muazin Islam serta Julaibib yang dihargai atas pengorbanannya dalam perjuangan Islam meskipun mempunyai kekurangan fizikal.

Menurutnya, kisah-kisah tersebut memperlihatkan bahawa Islam mengangkat martabat manusia berasaskan iman dan pengorbanan, bukannya keturunan atau rupa paras.

Turut hadir, Ahli Parlimen Pasir Mas YB Ahmad Fadhli Shaari, ADN Pengkalan Pasir YB Mohd Nasriff Daud dan ADN Tendong YB Rozi Muhammad.

## Pusat Khidmat Parlimen Pasir Mas korban tujuh kerbau, seekor lembu tahun ini



Oleh: Norzana Razaly

**PASIR MAS, 26 Mei** — Sebanyak tujuh ekor kerbau dan seekor lembu akan dikorbankan di bawah kelolaan Pusat Khidmat Parlimen Pasir Mas sempena Aidiladha tahun ini sebagai usaha berterusan menyantuni masyarakat serta menghidupkan syiar Islam di ka-

wasan berkenaan.

Ahli Parlimen Pasir Mas YB Ahmad Fadhli Shaari berkata, ibadah korban tersebut dijayakan hasil sumbangan pelbagai pihak termasuk sahabat handai dan para penyumbang yang terus memberikan sokongan.

"Insya Allah sebanyak tujuh ekor kerbau dan seekor lembu akan dikorbankan di bawah kelolaan Pusat Khidmat Parlimen Pasir Mas tahun ini.

"Terima kasih kepada para penyumbang dan sahabat handai yang bersama-sama kami kali ini. Semoga ibadah korban nanti diterima Allah SWT," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Program Peng-

hayatan Hari Wukuf anjuran Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) bagi Parlimen Pasir Mas di pekarangan Masjid Mukim Alor Buloh, di sini, hari ini.

Menurutnya, jadual pelaksanaan ibadah korban telah disusun mengikut lokasi dan ketetapan yang ditetapkan bagi memastikan pengurusan berjalan lancar serta memberi manfaat kepada lebih ramai penerima.

Dalam pada itu, beliau turut menzahirkan kerinduan terhadap suasana di Tanah Suci khususnya pengalaman berwukuf di Arafah dan berada di Mina yang disifatkan sarat dengan makna serta penghayatan spiritual.

Beliau juga mendoakan kesejahteraan para jemaah haji yang kini sedang menunaikan wukuf di Arafah agar dikurniakan haji yang mabrur.

"Semoga seluruh jemaah haji yang sedang memasuki Arafah dan berwukuf dikurniakan haji yang mabrur serta dipermudahkan segala urusan ibadah mereka," katanya.

Sehubungan itu, tambahannya, Program Penghayatan Hari Wukuf dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Kelantan bagi menyemarakkan kefahaman masyarakat terhadap penghayatan ibadah haji serta memperkukuh nilai pengorbanan dan kesatuan ummah sempena sambutan Aidiladha.

# Program Penghayatan Hari Wukuf platform dekatkan diri kepada Allah - Speaker DUN Kelantan

Oleh: Asri Hamat

**KOTA BHARU**, 26 Mei - Program Penghayatan Hari Wukuf anjuran Urus setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) di seluruh negeri hari ini mampu menjadi medium untuk umat Islam mendekatkan diri kepada Allah SWT serta membina hubungan rohani dalam kehidupan seharian.

Speaker Dewan Negeri Kelantan YB Dato' Seri Amar Diraja, Dato Dr Mohd Amar Abdullah berkata kehidupan manusia penuh dengan cabaran serta gangguan yang kadangkala menjejaskan masa dan tumpuan terhadap Allah SWT.

Katanya, program seperti itu membolehkan orang ramai meluangkan masa untuk mengosongkan fikiran daripada urusan duniawi dan memberi fokus kepada hubungan dengan Allah SWT.

"Melalui program Penghayatan Hari Wukuf ini sekurang-kurangnya kita boleh mengosongkan sekejap masa kita daripada urusan lain untuk fokus kepada Allah SWT.

"Apabila kita duduk bersama-sama dengan pakaian tema putih dan mendengar ucapan penceramah, sekurang-kurangnya dalam tempoh satu hingga dua jam kita dapat mengosongkan fikiran dan hati daripada perkara duniawi yang menyebabkan kita lalai," jelasnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada program Penghayatan Hari Wukuf peringkat Par-



limen Pengkalan Chepa, di Dewan Tok Ayah Kedah, Kompleks Tarbiah (KOMTAR) Panchor, di sini, hari ini.

Menurutnya lagi, ibadah yang dilakukan bukan sekadar bergantung kepada amalan zahir semata-mata, sebaliknya hubungan rohani dengan Allah SWT perlu dibina melalui penghayatan dan kekhayusan.

"Contohnya nilai sembahyang bukan pada bilangan rakaat semata-mata, tetapi pada tahap khusyuk kepada Allah SWT.

"Kalau kita sembahyang tetapi tidak khusyuk, pahala itu bergantung kepada sejauh mana khusyuk kita dalam sembahyang. Sebab itu sembahyang menjadi jambatan hubungan dengan Allah SWT," ujarnya.

Beliau berharap program berkenaan dapat membantu masyarakat membina hubungan yang lebih

dekat dengan Allah SWT walaupun hanya berlangsung dalam tempoh singkat.

Tambahnya, jemaah haji yang menunaikan ibadah di Mekah sanggup mengorbankan masa, wang ringgit dan harta benda demi melaksanakan tuntutan agama.

"Orang yang pergi menunaikan haji berhimpun di Arafah dan mereka memberi fokus sepenuhnya kepada Allah SWT.

"Jadi kita harap melalui program penghayatan Hari Wukuf ini, kita dapat membina jiwa supaya sentiasa dekat dengan Tuhan dan sentiasa berada di atas jalan yang benar," katanya.

Beliau turut menjelaskan bahawa program Penghayatan Hari Wukuf adalah acara tahunan bagi mengingatkan masyarakat mengenai kepentingan wukuf di Arafah sebagai kemuncak ibadah haji.

"Tujuan kerajaan mengadakan

“Apabila kita duduk bersama-sama dengan pakaian tema putih dan mendengar ucapan penceramah, sekurang-kurangnya dalam tempoh satu hingga dua jam kita dapat mengosongkan fikiran dan hati daripada perkara duniawi yang menyebabkan kita lalai”

sambutan Hari Wukuf adalah untuk mewujudkan rasa kebersamaan dalam kalangan masyarakat dengan mereka yang pergi menunaikan ibadah haji. Ini kerana semua orang berkeinginan menunaikan ibadah haji tetapi tidak semua berpeluang melaksanakannya," katanya.

Hadir sama, Ahli Parlimen Pengkalan Chepa YB Datuk Ahmad Marzuk Shaari, Ahli Dewan Negeri (ADN) Chempaka YB Nik Bahrum Nik Abdullah, Ahli Dewan Negara Senator Nik Mohd Abdul Aziz, Mantan ADN Chempaka Ahmad Fathan Mahmood dan Ketua Pengelola Halaqat Kawasan Pengkalan Chepa Zaharuddin Mohd Zin.

Terdahulu, berlangsung ceramah khas disampaikan oleh Penolong Pengarah Kanan (Dakwah dan Ukhwah) Jabatan Hal Ehwah Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) Suratemi Mat Yusof.



# Rakyat disaran teliti pilih kontraktor bina rumah

Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM, 25 Mei** - Rakyat dinasihatkan supaya membuat penelitian sebelum memilih kontraktor bagi membina rumah kerana hal tersebut membabitkan amanah besar serta pelaburan seumur hidup.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata masyarakat perlu memastikan kontraktor dipilih berdaftar dengan Construction Industry Development Board Malaysia (CIDB), mempunyai rekod kerja baik serta pejabat operasi yang jelas.

Katanya, kontraktor juga perlu menyediakan kontrak hitam putih yang lengkap selain mempunyai testimoni pelanggan yang boleh dipercayai.

“Jangan terlalu mudah percaya sekiranya harga jualan rumah dijual di bawah harga pasaran,” katanya menerusi media sosial, pada Jumaat.

Menurutnya, selain memilih kontraktor yang baik, rakyat juga perlu mempelajari ilmu asas berkaitan kontrak pembinaan bagi mengelak-



kan masalah pada masa depan.

Katanya, masih ramai pembeli kurang memahami kandungan kontrak, jadual bayaran, tempoh siap projek, spesifikasi bahan, skop kerja serta hak pengguna sekiranya berlaku kelewatan atau kecacatan binaan.

“Sedangkan kontrak itu sangat penting untuk melindungi kedua-dua pihak,” jelasnya.

Beliau turut mengingatkan tugas kontraktor bukan sekadar membina bangunan, sebaliknya membina kehidupan manusia.

Katanya lagi, kontraktor yang baik ialah mereka yang amanah, jujur, menjaga mutu kerja, menepati masa, tidak menipu spesifikasi serta bertanggungjawab selepas projek

disiapkan.

“Kerja yang dilakukan dengan penuh amanah akan melahirkan rumah yang kukuh, selesa, selamat, cantik dan memberi kepuasan kepada pelanggan,” ujarnya.

Menurutnya, di bawah dasar Membangun Bersama Islam, kerajaan negeri mahu pembangunan maju dari sudut fizikal dan dipandu nilai integriti, amanah dan keberkatan.

“Kita tidak mahu pembangunan yang cantik pada bangunan tetapi rosak pada akhlak dan amanah.

“Kontraktor Muslim perlu menjadi contoh terbaik dalam kejujuran, disiplin, menjaga hak pelanggan, menjaga kebajikan pekerja dan menghasilkan kerja berkualiti ting-

gi,” katanya.

Terdahulu beliau merasmikan Ekspo Bina Rumah 2026 yang berlangsung di Mydin Mall Tunjong, Kota Bharu dari 21 hingga 23 Mei lalu.

Sebanyak 47 gerai pameran dibuka membabitkan kontraktor binaan, pereka hiasan dalaman, bank dan institusi kewangan, pembekal bahan binaan, peguam hartanah serta syarikat dalam industri pembinaan dan teknologi hijau.

Beliau berharap ekspo berkenaan dapat mendidik masyarakat, meningkatkan profesionalisme kontraktor, memperkukuh jaringan industri serta melahirkan lebih ramai usahawan pembinaan tempatan yang berjaya dan berintegriti.

## Dua chef anak Kelantan wakili Malaysia di pentas kulineri ASEAN



Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM, 24 Mei** — Dua chef anak Kelantan dipilih mewakili Malaysia ke program gastronomi serantau “Pharmtable: Masa Depan Kulineri ASEAN” di Wilayah Chanthaburi dan Bangkok, Thailand dari 22 hingga 25 Mei, sekali gus mengangkat warisan kulineri negeri ke pentas antarabangsa.

Sehubungan itu, Exco Kebudayaan, Pelancongan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamaruddin Md

Nor berkata, penyertaan tersebut mencerminkan pengiktirafan terhadap keunikan gastronomi Kelantan yang semakin mendapat perhatian di peringkat serantau.

Program berprestij itu menghimpunkan chef dari negara ASEAN termasuk Singapura, Brunei Darussalam, Vietnam, Timor-Leste, Myanmar, Indonesia, Kemboja dan Thailand selaku tuan rumah bagi mempersembahkan warisan kulineri masing-masing.

“Tahniah diucapkan kepada dua chef anak Kelantan iaitu Chef

Norhisyam Musthapa dari Ibis Hotel serta Chef Wardi Hassan dari Grand Riverview Hotel, Kota Bharu yang diberi penghormatan membawa nama Malaysia menerusi persembahan menu tradisional terkenal Negeri Kelantan iaitu Nasi Kerabu,” katanya menerusi media sosial, pada Sabtu.

Menurut Datuk Kamarudin, penyertaan dua chef tersebut menjadi platform memperkenalkan makanan tradisional Kelantan kepada masyarakat antarabangsa.

Penyertaan mereka juga

menyokong usaha memperkukuh kedudukan Kota Bharu Bandar Raya Islam sebagai calon Ibu kota Gastronomi Malaysia pada masa hadapan.

Katanya lagi, program berkenaan turut membuka ruang jaringan strategik dan pertukaran idea dalam kalangan penggiat industri kulineri ASEAN, khususnya dalam memartabatkan makanan warisan sebagai produk pelancongan bernilai tinggi.

Majlis perasmian program disempurnakan Timbalan Setiausaha Tetap Kebudayaan Wilayah Chanthaburi, Ranee Itarat dan turut dihadiri Gabenor Wilayah Chanthaburi, Monsit Paisartanawat.

Datuk Kamaruddin berharap penyertaan itu dapat membuka lebih banyak peluang kerjasama serantau dalam sektor pelancongan, kebudayaan dan gastronomi ASEAN, sekali gus memperluas pengiktirafan terhadap identiti kulineri Kelantan di peringkat global.

# AKSB tingkat usaha kurangkan NRW akibat paip bocor, pecah

Oleh: Asri Hamat

**KOTA BHARU**, 25 Mei - Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) komited mengambil inisiatif bagi mengurangkan kadar Air Tidak Berhasil (NRW) yang berpunca daripada kebocoran dan paip pecah dalam sistem agihan bekalan air di negeri ini.

Exco Kerjaraya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar YB Dr Izani Husin berkata antara cabaran utama ialah mengesan paip pecah terutama yang berlaku di bawah tanah dan di kawasan bertekanan air rendah.

Katanya, terdapat kebocoran yang dikesan sendiri pihak AKSB selain aduan diterima daripada pengguna, namun masih banyak kes yang sukar dikenal pasti.

“Ada paip pecah yang pihak AKSB cari dan ada yang dilaporkan, namun banyak juga yang tidak dijumpai.

“Paip pecah di bawah tanah sukar dijumpai apabila berlaku tekanan air rendah menyebabkan kebocoran tidak dapat dikesan.



“Di kawasan tekanan air tinggi lebih mudah dikesan kerana air keluar dan boleh dilihat dengan mata kasar,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di program Taklimat Status Semasa Bekalan Air di Negeri Kelantan dan Persediaan AKSB untuk Hari Raya Aidiladha, di sebuah hotel, di sini, pada Ahad.

Menurutnya, walaupun pengeluaran air tinggi, bekalan tidak dapat disalurkan sepenuhnya kepada rakyat disebabkan kehilangan air dalam sistem agihan.

Bagi mengatasi masalah itu, katanya, AKSB akan melaksanakan sistem pengesanan kebocoran dengan membeli peralatan pengesanan



lain membaiki segera paip bocor.

Menurutnya, AKSB juga bersedia menambah kakitangan sekiranya jumlah sedia ada tidak mencukupi bagi melaksanakan operasi mengesan kebocoran paip dengan lebih efisien.

“Apabila kita beli alat pengesanan dan menambah kakitangan sudah tentu akan menambah kos, namun kita tidak kompromi kerana setiap penurunan NRW akan menambah hasil pendapatan kepada AKSB,” jelasnya.

Sementara itu, AKSB menerusi hantaran di laman sosialnya semalam memaklumkan sebahagian penduduk di Tumpat bakal menikmati peningkatan bekalan air

bersih apabila tiga telaga tiub baharu di Loji Rawatan Air (LRA) Wakaf Bharu mula beroperasi pada 23 Mei lalu.

Menurut AKSB, sebanyak tiga telaga tiub dibina dengan anggaran pengeluaran minimum 1.5 JLH bagi setiap telaga dan mampu mencapai sehingga 4.5 JLH.

“Pelaksanaan projek ini akan memberi manfaat kepada hampir 12,500 akaun yang terlibat melalui sumber daripada loji ini,” katanya.

Dalam pada itu, AKSB turut menyeru pengguna mengamalkan langkah penjimatan air dalam aktiviti harian terutama ketika musim perayaan.

Antara langkah disarankan ialah mandi secara ringkas, menutup paip ketika tidak digunakan, menggunakan baldi ketika mencuci kenderaan serta memanfaatkan air hujan untuk kegunaan luar rumah.

“Perubahan kecil dalam amalan harian mampu menjimatkan ratusan liter air dan membantu memastikan bekalan air yang lebih lestari untuk semua,” katanya.

## Pengguna digalakkan gunakan MyAKSB bagi aduan dan bayaran bil air



Oleh: Asri Hamat

**KOTA BHARU**, 24 Mei - Pengguna Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) digalakkan menggunakan aplikasi MyAKSB bagi memudahkan urusan berkaitan perkhidmatan bekalan air termasuk aduan dan pembayaran bil.

Exco Kerjaraya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar YB Dato’ Dr Izani Husin berkata, rakyat Kelantan khususnya pengguna air AKSB boleh memanfaatkan aplikasi tersebut untuk pelbagai

urusan selain dijamin menerima maklum balas lebih cepat dan berkesan.

Menurutnya, pengguna perlu memasang aplikasi berkenaan untuk berurusan dengan AKSB melalui MyAKSB.

“Banyak maklumat mengenai AKSB terdapat dalam aplikasi itu. Untuk membayar bil boleh, aduan dan cadangan juga boleh dibuat melalui MyAKSB.”

Beliau berkata demikian kepada media selepas program Taklimat Status Semasa Bekalan Air di Negeri Kelantan dan Persediaan AKSB untuk Hari Raya Aidiladha, di sebuah hotel, di sini, hari ini.

Menurutnya, jumlah pengguna aplikasi itu masih rendah berbanding keseluruhan akaun pengguna AKSB.

“Daripada hampir 300,000 pengguna, tidak sampai 10 peratus iaitu kira-kira 30,000 pengguna sahaja yang menggunakan aplikasi

AKSB,” katanya.

Mengulas persediaan bekalan air sempena Hari Raya Aidiladha Dato’ Dr Izani berkata, penambahan lori air segera terpaksa dilakukan bagi memastikan bekalan air dapat disalurkan kepada pengguna yang memerlukan.

Katanya, sebanyak 27 lori air daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), 11 lori tangki AKSB dan lima lori air kontrak AKSB disediakan menjadikan keseluruhan sebanyak 43 lori air.

“Pada musim perayaan ini kita tambah bilangan lori air. Sebelum ini ketika bulan puasa kita berdepan masalah lori tidak mencukupi untuk menghantar bekalan air.

“Untuk Hari Raya Aidiladha ini, insya Allah kita sudah menambah bilangan lori,” katanya.

Beliau turut meminta AKSB menempatkan tangki statik tambahan di kawasan yang mengalami masalah bekalan air mendesak.

“Tangki yang ada mencukupi untuk dibekalkan ke kampung-kampung yang memerlukan,” katanya.

Dalam pada itu, beliau turut berpesan kepada pengguna supaya memberikan maklumat lengkap dan spesifik berkaitan kerosakan atau masalah air kotor dan tidak meletakkannya dalam media sosial.

Katanya, pengguna perlu membuat aduan dengan menyertakan lokasi dan alamat rumah supaya pihak AKSB dapat menjalankan siasatan bagi mengenal pasti punca masalah sebelum tindakan diambil.

“Punca air itu dari mana, sama ada sebelum atau selepas tangki dan sebagainya perlu dikenal pasti.

“Kalau letak dalam media sosial, kita tidak tahu di mana hendak cari. Jadi kalau ada masalah bekalan air atau kerosakan, beri laporan yang spesifik dengan alamat rumah dan lokasi supaya kita boleh pergi melihat masalah sebenar yang berlaku,” jelasnya.

# Kelantan mahu bangunkan rantaian industri REE bernilai tinggi, makmal standard global dibuka

Oleh: Norzana Razaly

**KOTA BHARU, 24 Mei** – Kelantan menyasarkan pembangunan rantaian industri unsur nadir bumi bukan radioaktif (REE) secara menyeluruh daripada sektor hulu hingga hiliran bagi menghasilkan nilai tambah ekonomi, seiring pembukaan makmal piawaian mineral nadir bumi bertaraf standard global pertama di negeri ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata, kerajaan negeri mempunyai visi jelas untuk memastikan industri REE tidak hanya tertumpu kepada eksport bahan mentah, sebaliknya diperkasa melalui pembangunan ekosistem industri bernilai tinggi.

Menurutnya, pendekatan tersebut melibatkan pengukuhan keseluruhan rantaian industri bermula daripada aktiviti eksplorasi dan perlombongan mampan sehingga penghasilan produk akhir berteknologi tinggi.

“Di peringkat hulu atau upstream, fokus akan diberikan kepada aktiviti eksplorasi dan perlombongan yang mampan serta mematuhi piawaian alam sekitar.

“Di peringkat pertengahan atau midstream pula, kita mahu memperkukuhkan proses pengasingan dan pemrosesan bahan mentah secara domestik agar nilai ekonomi dapat dikekalkan dalam negara.

“Manakala di peringkat hiliran atau downstream, sasaran kita adalah untuk menghasilkan produk akhir bernilai tinggi seperti magnet kekal, komponen kenderaan elektrik (EV) serta pelbagai teknologi hijau yang menjadi keperluan dunia masa kini,” katanya.



Beliau berkata demikian ketika merasmikan pembukaan makmal piawaian mineral nadir bumi milik Kelstone Cosmos Gemilang Perkas di Bandar Baru Tunjung, di sini, hari ini.

Tambahnya, dengan perancangan tersusun dan kerjasama strategik semua pihak, Kelantan berpotensi muncul sebagai hab rantaian bekalan REE yang lengkap dan berdaya saing di rantau ini.

“Insyallah, dengan perancangan yang tersusun dan kerjasama semua pihak, kita mahu Kelantan muncul sebagai hub rantaian bekalan REE yang lengkap dan kompetitif di rantau ini,” jelasnya.

Dalam pada itu, beliau juga menegaskan pembangunan industri REE negeri wajib berpaksikan kepada tiga prinsip utama bagi memastikan manfaat ekonomi bergerak seiring tanggungjawab sosial dan kelestarian alam sekitar.

Menurutnya, prinsip pertama ialah kesedaran bahawa segala hasil bumi merupakan amanah Allah SWT dan manusia bertanggungjawab menguruskannya secara ber-

integriti sebagai khalifah di muka bumi.

Prinsip kedua menuntut penguasaan ilmu pengetahuan, teknologi dan inovasi supaya khazanah bernilai tinggi itu dapat diterjemahkan kepada manfaat ekonomi yang lebih besar.

“Khazanah yang bernilai ini tidak akan membawa manfaat sekiranya tidak diproses dengan ilmu pengetahuan dan teknologi yang tinggi. Oleh itu, penguasaan teknologi, inovasi dan kepakaran mesti menjadi teras utama dalam pembangunan industri ini,” ujarnya.

Tambahnya, prinsip ketiga pula menekankan pembangunan industri yang memberi kemakmuran kepada rakyat melalui pewujudan peluang pekerjaan berkualiti tinggi, pembangunan modal insan serta pertumbuhan ekonomi negeri tanpa mengabaikan aspek kelestarian alam sekitar.

“Industri ini perlu menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negeri, membuka peluang pekerjaan berkualiti tinggi serta membina modal insan yang cemer-

lang.

“Pada masa sama, aspek pemeliharaan alam sekitar mesti diberikan perhatian serius agar pembangunan yang dilaksanakan benar-benar bersifat lestari dan memberi manfaat kepada generasi akan datang,” katanya.

Sementara itu, Pengurus Besar Kelstone P.Geol Phakhrudin Abdullah menjelaskan makmal berkenaan mempunyai keupayaan khusus untuk menganalisis unsur nadir bumi menggunakan piawaian (standard reference material) sebagai penanda aras bagi memastikan ketepatan bacaan analisis mineral.

Menurutnya, unsur piawai tersebut amat penting untuk tujuan penentuan peralatan analisis agar keputusan yang diperoleh mencapai tahap ketepatan tinggi mengikut standard antarabangsa.

“Standard ini akan digunakan untuk menyelaraskan alat analisa. Tanpa standard yang tepat, nilai atau bacaan yang diberikan daripada analisa akan memberi nilai yang tidak tepat.

“Pada masa kini, standard bagi 17 elemen REE ini adalah terkawal dan Kelstone Cosmos Lab memperoleh standard tersebut secara terus dari China,” jelasnya.

Beliau turut memaklumkan, makmal Kelstone Cosmos merupakan satu-satunya makmal di Malaysia yang berjaya memperoleh bekalan piawaian REE secara langsung dari China, sekali gus meletakkannya pada kedudukan strategik dalam menyokong pembangunan industri nadir bumi negara berasaskan analisis saintifik bertaraf global.



# 43 ADN Belia bahas lima usul utama pembangunan negeri

Oleh: Syamimi Manah

**KOTA DARULNAIM**, 24 Mei – Sebanyak 43 Ahli Dewan Negeri (ADN) Belia Kelantan menyertai Persidangan Dewan Belia Negeri Kelantan kali kedua bagi penggal 2025/2026 dengan membahaskan lima usul utama berkaitan pembangunan negeri.

Persidangan itu menghimpunkan wakil ADN Belia mewakili Dewan Negeri (DUN), lantikan khas dan perwakilan dari seluruh Kelantan bagi membincangkan isu melibatkan teknologi, pendidikan, infrastruktur, perpaduan serta ekonomi selaras dengan cabaran semasa rakyat dan pembangunan negeri.

Ketua Eksekutif Sekretariat Kelantan Future Leaders Institute (KFLI) Mohd Ridhuwan Che Musa berkata, persidangan tersebut bukan sekadar simulasi persidangan semata-mata, sebaliknya menjadi medan perbahasan dan konsultasi belia bersama kerajaan negeri.

Menurutnya, sepanjang hampir setahun bergelar ADN Belia, peserta menunjukkan perkembangan positif dari sudut kematangan, cara berfikir dan kefahaman terhadap



realiti pembangunan negeri.

“Pelaksanaan persidangan ini bertujuan memperkukuhkan keupayaan belia dalam memahami dan membahaskan dasar awam negeri.

“Ia juga mengasah kemahiran berhujah secara profesional, berfakta dan beretika selain menghasilkan cadangan dasar yang praktikal dan memberi impak kepada pembangunan negeri,” katanya pada sidang media persidangan tersebut, di sini, hari ini.

Beliau berkata, hasil daripada persidangan terdahulu, beberapa cadangan yang dikemukakan ADN Belia telah dibawa ke meja rundingan bersama barisan Exco Kerajaan Negeri Kelantan dan seba-

giannya telah diambil tindakan.

“Setakat ini hampir 100 peratus pertemuan bersama exco berkaitan portfolio telah dilaksanakan bagi membincangkan usul-usul yang dibawa ADN Belia.

“Daripada usul yang telah dibuat, pihak sekretariat telah menyusun dan membentangkannya di meja rundingan untuk dipertimbangkan di peringkat exco,” ujarnya.

Tambahnya, antara langkah yang sedang dilaksanakan di bawah portfolio Exco Belia ialah pembangunan sistem pemantauan pangkalan data belia negeri Kelantan yang bakal menjadi statistik pemetaan belia negeri.

Dalam persidangan kali ini,

ADN Belia dibahagikan kepada lima kluster utama iaitu Kluster Ekonomi, Tadbir Urus dan Sumber Nasional (ECONAS), Kluster Pendidikan, Teknologi dan Pembangunan Modal Insan (EDUTECH), Kluster Pelancongan, Infrastruktur dan Kesihatan (INFRACARE), Kluster Kebajikan Sosial dan Perpaduan Komuniti (UNITY) serta Kluster Agromakanan, Pertanian dan Kelestarian Alam Sekitar (AG-ROLEST).

Sementara itu, Ketua Whip ADN Belia Kelantan Nik Muhammad Luqman Al-Hakim Mohd Roslan berkata, ADN Belia Kelantan kini semakin mendapat perhatian dan menjadi contoh kepada beberapa negeri lain.

Beliau memaklumkan, tahun lalu ADN Belia Kelantan telah diundang menghadiri persidangan dewan belia di peringkat nasional dan pada Julai ini dua wakil dari Kelantan dijadual menyertai Commonwealth Youth Parliament di Australia.

“Ia menunjukkan keseriusan, komitmen dan kompetensi belia Kelantan yang mampu pergi jauh sekiranya diberikan ruang dan dibentuk dengan baik,” jelasnya.

## Lapan ekor lembu korban diagih kepada penduduk sekitar DUN Guchil

Oleh: Syamimi Manah

**KUALA KRAI**, 3 Jun – Sebanyak lapan ekor lembu korban telah diagihkan kepada penduduk sekitar DUN Guchil sempena Program Korban Perdana DUN Guchil 1447H/2026M yang berlangsung di Kompleks Warisan Al-Hidayah, Jalan Gaele, di sini pada 30 Mei lalu.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Guchil YB Hilmi Abdullah berkata, program berkenaan merupakan antara usaha berterusan untuk menyemarakkan syiar Islam di samping memastikan golongan yang memerlukan turut menerima manfaat daripada ibadah korban.

Menurutnya, majlis tersebut turut dimeriahkan dengan kehadiran Ahli Parlimen Kuala Krai YB Abdul Latiff Abdul Rahman ber-



sama penduduk yang berganding bahu menjayakan proses penyembelihan, melapah dan mengagih daging korban.

“Alhamdulillah, sebanyak lapan ekor lembu telah dikorbankan sempena Hari Raya Aidiladha tahun ini. Selain diagihkan kepada mereka yang hadir memeriahkan program, daging korban turut disampaikan kepada penduduk di



Perumahan Baitulmal, Perumahan MAIK dan kawasan sekitar,” katanya di laman rasmi pada Isnin.

Beliau berkata, program yang menjadi rutin tahunan itu bukan sahaja memberi peluang kepada masyarakat melaksanakan ibadah korban, malah menjadi platform memperkukuhkan hubungan silaturahmi dan semangat gotong-royong dalam kalangan penduduk.

Katanya, penglibatan pelbagai lapisan masyarakat dalam menjayakan program tersebut mencerminkan nilai kebersamaan yang menjadi teras keharmonian komuniti setempat.

“Semoga segala amalan korban yang dilaksanakan diterima oleh Allah SWT serta membawa keberkatan kepada seluruh peserta dan masyarakat,” ujarnya.

## SMUATIS Selising terima hak milik tanah dan dana RM614,579



Oleh: Irham Hilmi Hashim

**PASIR PUTEH, 25 Mei** — Sekolah Menengah Ugama (Arab) Tarbiah Islamiah (SMUATIS), Kampung Lepah, Selising menerima hak milik tanah serta dana peluasan tapak sekolah berjumlah RM614,579 daripada Kerajaan Negeri Kelantan sebagai usaha memperkukuh pembangunan institusi pendidikan Islam di negeri ini.

Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Mohamed Fadzli Hassan berkata, inisiatif tersebut mencerminkan komitmen berterusan kerajaan negeri dalam memastikan institusi pendidikan Islam terus berkembang serta mampu menyediakan persekitaran pembe-



lajaran yang lebih kondusif kepada generasi masa hadapan.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Penyerahan Hak Milik Tanah, Bayaran Peluasan Tapak Sekolah serta Anugerah Kecemerlangan SPM dan institusi berkenaan, Sabtu lalu.

Menurutnya, pendidikan Islam perlu terus diperkasa kerana institusi terbabit berperanan melahirkan generasi cemerlang yang bukan sahaja unggul dalam akademik, malah memiliki sahsiah, akhlak dan jati diri yang kukuh.

“Pendidikan Islam bukan sekadar melahirkan pelajar cemerlang dalam peperiksaan, tetapi membentuk insan yang mempunyai pegangan agama, nilai akhlak dan jati diri yang kuat.

“Kita mahu anak-anak dibentuk dengan pendidikan yang sempurna, cemerlang ilmunya, baik akhlaknya dan teguh nilai agamanya kerana pendidikan inilah benih yang akan membina masa depan ummah, masyarakat dan negara,” katanya.

Beliau juga memaklumkan, pencapaian SMUATIS membuktikan sekolah agama berupaya berdiri sebagai institusi pendidikan berkualiti dan berdaya saing hingga ke peringkat kebangsaan.

Dalam pada itu, beliau turut menzahirkan rasa bangga terhadap kejayaan pelajar sekolah berkenaan, Nur Fadzilah Aulia Md Fadzil yang dinobatkan sebagai Pelajar Terbaik Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Negeri Kelantan bagi keputusan Sijil Pelajaran Ma-

laysia (SPM).

Katanya, kejayaan tersebut lebih bermakna apabila pelajar berkenaan menerima pengiktirafan daripada Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah di Istana Negara.

Menurut Dato' Dr Fadzli lagi, pencapaian itu menjadi bukti keberkesanan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan dalam melahirkan generasi berilmu, berakhlak serta mempunyai asas agama yang kukuh.

Dalam masa sama, beliau menyeru masyarakat agar bersama-sama menyumbang kepada pembangunan serta kemudahan sekolah bagi memastikan kelangsungan pendidikan generasi muda terus diperkasakan.

“Tanggungjawab membangunkan pendidikan bukan hanya terletak kepada kerajaan semata-mata, tetapi memerlukan sokongan masyarakat, ibu bapa dan semua pihak demi masa depan anak-anak,” ujarnya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada pihak sekolah, guru, ibu bapa serta seluruh warga SMUATIS atas komitmen berterusan mempertahankan kecemerlangan pendidikan Islam di negeri ini.

## ADN Bunut Payong seru warga emas daftar Kifalah

Oleh: Irham Hilmi Hashim

**KOTA BHARU, 3 Jun** – Ahli Dewan Negeri (ADN) Bunut Payong YB Shaari Mat Yaman menyeru warga emas berumur 55 tahun ke atas di kawasan DUN Bunut Payong agar segera mendaftar dalam Skim Kifalah Kerajaan Negeri Kelantan.

Seruan tersebut dibuat bagi memastikan mereka dan keluarga dapat menerima manfaat kebajikan yang disediakan kerajaan negeri.

Menurutnya, Skim Kifalah yang menyediakan sumbangan khairat kematian kepada warga emas merupakan antara inisiatif kebajikan yang telah lama diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan sebagai tanda keprihatinan terhadap golongan berkenaan.

Beliau berkata demikian dalam



kenyataan media rasminya selepas menyampaikan sumbangan Kifalah kepada waris empat penerima di kediaman masing-masing sekitar DUN Bunut Payong, semalam.

Katanya, bantuan berkenaan mencerminkan komitmen kerajaan negeri dalam menjaga kebajikan rakyat sekali gus membantu me-

ringankan beban keluarga yang kehilangan insan tersayang.

“Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa cakna terhadap kebajikan rakyat, khususnya warga emas yang telah banyak berjasa kepada keluarga dan masyarakat.

“Melalui Skim Kifalah ini, sedikit sumbangan dapat disalurkan kepada waris bagi memban-

tu mereka menghadapi urusan selepas kematian ahli keluarga,” jelasnya.

Menurutnya lagi, bantuan yang disalurkan melalui Skim Kifalah diharap dapat mengurangkan beban kewangan yang ditanggung oleh waris, khususnya dalam kalangan keluarga yang kurang berkemampuan.

“Pihak PKD Bunut Payong menyeru warga DUN Bunut Payong yang berumur 55 tahun ke atas agar membuat pendaftaran di PKD Bunut Payong bagi membolehkan mereka menikmati manfaat yang disediakan menerusi skim ini.

“Pemohon hanya perlu membawa kad pengenalan, mengisi borang yang disediakan serta menamakan wasi yang akan menerima sumbangan sekiranya berlaku kematian,” katanya.

# Kelantan perkukuh Pendidikan Rabbani melalui pelbagai program

Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM, 3 Jun** – Kerajaan Negeri Kelantan terus komited memperkukuhkan kecemerlangan akademik dan Pendidikan Rabbani menerusi pelaksanaan serta pemantapan pelbagai program yang memberi manfaat kepada pelajar, khususnya calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di bawah institusi pendidikan negeri.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat berkata, perkara itu menjadi fokus utama dalam Mesyuarat Program Kecemerlangan Peperiksaan dan Pendidikan Rabbani Negeri Kelantan yang dipengeruskannya, semalam.

Menurutnya, mesyuarat berkenaan membincangkan aspek pelaksanaan, penilaian dan pemantapan



pelbagai program kecemerlangan akademik bagi meningkatkan pencapaian pelajar di negeri ini.

“Mesyuarat turut meneliti laporan pelaksanaan beberapa program yang telah dijalankan antaranya Tuisyen Rakyat Sejahtera Kelantan, Program A+ Rabbani Boot Camp, Bengkel Cloud Ilmu Dalam Talian, Kem Straight ‘A’ SPM, Program E-Tuisyen Rakyat Sejahtera Kelantan serta Seminar Kecemerlangan SPM Pendidikan

Rabbani,” katanya menerusi media sosial, pada Selasa.

Selain itu, beberapa cadangan program bagi tahun 2026 turut dibentangkan termasuk Kem Straight ‘A’ SPM dan Seminar Kecemerlangan SPM Pendidikan Rabbani sebagai usaha berterusan memperkukuhkan kecemerlangan akademik, sahsiah serta budaya pembelajaran berteraskan nilai-nilai rabbani dalam kalangan pelajar.

Turut hadir dalam mesyuarat tersebut ialah Presiden Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) YB Dato' Abdul Rahman Yunus; Setiausaha BBC YB Zuraidin Abdullah, Ahli Dewan Negeri (ADN) Pulai Chondong YB Azhar Salleh, Pengarah Yayasan Islam Kelantan (YIK) Shamsul Abu Bakar, Timbalan Pengarah (Akademik) YIK Sukeri Hussin serta Timbalan Pengarah Institut Latihan Darul Naim (ILDAN) Borhanuddin Ahmad.

Tambah Dato' Wan Roslan, segala perancangan dan usaha yang digerakkan menerusi program-program berkenaan diharap dapat memberi manfaat besar kepada pelajar serta terus memperkukuhkan agenda pendidikan negeri.

“Ia selaras dengan hasrat melahirkan generasi yang berilmu, berakhlak, berdaya saing dan cemerlang demi agama, bangsa dan negeri,” jelasnya.

## ADN Wakaf Bharu bermotorsikal hadiri 20 undangan rakyat

Oleh: Syamimi Manah

**TUMPAT, 3 Jun** – Ahli Dewan Negeri (ADN) Wakaf Bharu YB Mohd Rusli Abdullah meluangkan masa menghadiri 20 undangan masyarakat dengan menaiki motosikal dalam usaha mengeratkan silaturrahim bersama rakyat pada Sabtu.

Undangan yang diterima melibatkan pelbagai majlis kemasyarakatan sekitar Wakaf Bharu dan luar kawasan termasuk kenduri, kesyukuran, sambutan hari raya, tahlil serta aqiqah yang berlangsung dari pagi hingga lewat petang.

YB Mohd Rusli berkata, penggunaan motosikal membolehkannya bergerak lebih lancar dan memenuhi sebanyak mungkin undangan yang diterima sepanjang hari berkenaan.

“Alhamdulillah, sempat hadir ke 20 undangan dari pagi hingga lewat petang. Ada yang sempat duduk lama sedikit, ada juga yang singgah sekejap sebagai tanda memenuhi undangan,” katanya di laman rasmi, pada Sabtu.

Menurutnya, setiap undangan yang diterima merupakan peluang



untuk mendekati masyarakat serta mendengar sendiri perkembangan dan keperluan rakyat di peringkat akar umbi.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang mengundangnya serta memberikan layanan yang baik sepanjang kunjungan tersebut.

“Terima kasih atas semua undangan dan layanan yang cukup

baik. Mohon maaf jika ada yang tidak sempat disinggahi atau saya tidak dapat meluangkan masa yang lama di setiap tempat,” ujarinya.

Tambahnya, majlis-majlis kemasyarakatan seperti kenduri, tahlil dan aqiqah bukan sahaja menghidupkan tradisi masyarakat bahkan menjadi wadah penting dalam memperkukuh hubungan persaudaraan dan semangat ke-

jiranan.

Beliau berharap setiap majlis yang dianjurkan akan terus membawa keberkatan serta menjadi pemangkin kepada hubungan yang lebih erat dalam kalangan masyarakat.

“Mudah-mudahan setiap majlis membawa keberkatan dan terus mengeratkan hubungan sesama kita,” katanya.



# 100 anak yatim, 45 OKU terima manfaat inisiatif kebajikan kerajaan negeri

Oleh: Irham Hilmi Hashim

**MACHANG, 3 Jun** – Seramai 100 anak yatim dan 45 Orang Kurang Upaya (OKU) di DUN Pulai Chondong menerima manfaat kebajikan menerusi Skim Pendidikan Yatim dan Bantuan Maaruf OKU daripada Kerajaan Negeri Kelantan.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Pulai Chondong YB Azhar Salleh berkata, kedua-dua inisiatif tersebut mencerminkan komitmen berterusan kerajaan negeri dalam memastikan golongan yang memerlukan terus mendapat perhatian sewajarnya khususnya dalam aspek pendidikan, kebajikan dan pembangunan sahsiah.

“Seramai 100 anak yatim menerima bantuan menerusi Skim Pendidikan Yatim Kerajaan Negeri Kelantan sebagai usaha membantu meringankan beban keluarga penerima di samping memberi dorongan kepada mereka untuk terus menuntut ilmu dan mencapai kecemerlangan dalam pendidikan.”

Beliau berkata demikian ketika merasmikan majlis penyampaian bantuan berkenaan di Dewan Al-Falah Joh, di sini, pada 25 Mei yang lalu.

Tambahnya, anak yatim merupakan golongan yang sangat



dititikberatkan dalam Islam dan menjadi tanggungjawab bersama untuk memastikan kebajikan serta pendidikan mereka sentiasa dipelihara.

“Kerajaan negeri sentiasa memberi perhatian terhadap kebajikan anak-anak yatim supaya mereka dapat membesar sebagai generasi yang berilmu, berakhlak dan mampu menyumbang kepada pembangunan masyarakat pada masa hadapan.

“Bantuan yang disalurkan ini diharap dapat memberi semangat kepada mereka untuk terus berusaha mencapai kejayaan dalam

pelajaran serta mengejar cita-cita masing-masing,” katanya.

Tambahnya, perhatian yang sama turut diberikan kepada golongan OKU agar mereka tidak tercicir daripada mendapat pendidikan, bimbingan dan kefahaman Islam yang sempurna. Justeru dalam majlis yang sama, seramai 45 OKU turut menerima Bantuan Maaruf OKU.

“Selain itu, melalui inisiatif OKU Muqarrabun pula, kerajaan negeri berusaha membantu golongan OKU mendekati serta memahami ajaran Islam dengan lebih baik, di samping memperkukuh

pembangunan rohani dan sahsiah mereka.

“Usaha ini membuktikan bahawa pembangunan insan yang dibawa oleh kerajaan negeri merangkumi semua golongan termasuk mereka yang memerlukan perhatian dan sokongan khusus,” ujarnya.

Menurut YB Azhar, bantuan yang disampaikan itu bukan sekadar memberi sokongan material, bahkan menjadi simbol keprihatinan kerajaan negeri terhadap kebajikan rakyat khususnya golongan yang berdepan cabaran kehidupan.

## Taman Guillemard View@Kusial ditutup hingga Oktober, JPS laksanakan kerja pembaikan tebing Sungai Kelantan



Oleh: Asri Hamat

**TANAH MERAH, 3 Jun** — Taman Guillemard View@Kusial akan ditutup mulai hari ini bagi memberi laluan kepada pelaksanaan kerja-kerja pembaikan dan pengukuhan tebing Sungai Kelantan oleh Jabatan Parit dan Saliran

Negeri Kelantan (JPS).

Menurut notis pemakluman yang dikeluarkan oleh Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM), penutupan itu dilaksanakan bagi memastikan keselamatan orang awam sentiasa terpelihara sepanjang tempoh pelaksanaan projek berkenaan.

MDTM memaklumkan, projek tersebut akan dilaksanakan oleh JPS Tanah Merah.

Tempoh projek ditetapkan bermula 3 Jun 2026 hingga 21 Oktober 2026 atau sehingga kerja-kerja berkenaan selesai sepenuhnya.

Sehubungan itu, orang ramai

diminta supaya tidak mencerooboh masuk ke kawasan zon kerja sepanjang tempoh pelaksanaan projek bagi mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini.

MDTM turut menghargai kerjasama dan keprihatinan semua pihak serta memohon maaf atas segala kesulitan yang timbul susulan penutupan taman berkenaan.



# Industri ikan hiasan Kelantan jana pengeluaran RM8.05 juta

Oleh: Asri Hamat

**BACHOK, 4 Jun** — Industri ikan hiasan di Kelantan terus menunjukkan perkembangan positif apabila menjana nilai pengeluaran sebanyak RM8.05 juta setakat tahun ini,

Pencapaian tersebut membuka peluang luas kepada golongan belia untuk menceburi sektor berpotensi tinggi yang semakin mendapat tempat di pasaran domestik dan antarabangsa.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, industri tersebut merekodkan pengeluaran lebih 468,000 ekor ikan hiasan, membuktikan aktiviti dagang berskala besar yang berkembang menjadi antara penyumbang penting kepada ekonomi negeri.

“Angka ini membuktikan bahawa industri ikan hiasan bukan lagi industri kecil-kecilan, sebaliknya telah menjadi antara penyumbang penting kepada ekonomi negeri serta sumber pendapatan kepada ramai usahawan dan penternak tempatan.

“Lebih membanggakan, industri ini turut membuka ruang kepada golongan belia untuk menceburi bidang keusahawanan berasaskan agro yang lebih moden, inovatif dan berdaya saing,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan majlis penutup Pesta Ikan Hiasan dan Akuakultur Negeri Kelantan 2026 di Dataran Pantai Irama, di sini, semalam.

Menurutnya, industri ikan hiasan berupaya menjana pulangan



lumayan sekiranya diusahakan secara profesional serta memenuhi keperluan dan standard pasaran eksport.

“Oleh yang demikian, saya menyeru khususnya golongan muda dan belia di Kelantan agar merebut peluang yang ada dengan menceburi bidang ikan hiasan yang mempunyai prospek masa depan yang cerah,” katanya.

Beliau juga memaklumkan, industri ikan hiasan negara turut menunjukkan pertumbuhan memberangsangkan apabila Malaysia merekodkan pengeluaran kira-kira 241 juta ekor ikan hiasan bernilai RM373 juta pada tahun 2023.

Daripada jumlah tersebut, kira-kira 21 peratus disasarkan untuk pasaran eksport.

“Jabatan Perikanan Malaysia menjangkakan pengeluaran ikan hiasan negara akan meningkat kepada 352 juta ekor dengan nilai RM550 juta menjelang tahun 2030,” jelasnya.

Tambahnya, kebanyakan pengusaha ikan hiasan ketika ini tertumpu di negeri-negeri pantai barat seperti Johor, Perak dan Pulau Pinang, namun Kelantan mempunyai potensi besar untuk berkembang dalam sektor tersebut.

Katanya, pelbagai spesies ikan hiasan mempunyai permintaan tinggi di pasaran termasuk tetra, koi, discus, molly, beta, guppy dan beberapa varieti lain yang bernilai komersial.

Selain aktiviti penternakan, sektor akuakultur ikan hiasan turut menawarkan peluang dalam bidang pembenihan, teknologi sistem ternakan moden, pemasaran digital, pembangunan produk hiliran dan eksport.

Mengulas mengenai penganjuran pesta berkenaan, beliau berkata program itu menjadi platform strategik untuk memperkukuh ekosistem industri akuakultur negeri selain memperluaskan jaringan pemasaran dan membuka peluang

“


Jabatan Perikanan Malaysia menjangkakan pengeluaran ikan hiasan negara akan meningkat kepada 352 juta ekor dengan nilai RM550 juta menjelang tahun 2030”

ekonomi baharu kepada rakyat.

“Kehadiran komuniti penternak, usahawan industri asas tani dan pemain industri pada hari ini jelas menunjukkan bahawa sektor akuakultur dan ikan hiasan semakin mendapat perhatian masyarakat serta mempunyai potensi besar untuk terus berkembang di Kelantan,” katanya.

Beliau berharap program seumpama itu dapat diteruskan dan diperluaskan pada masa hadapan bagi mempromosikan industri ikan hiasan serta meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap peranan sektor perikanan dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri dan keterjaminan makanan negara.

Untuk rekod, Malaysia pernah muncul sebagai antara pemain utama industri ikan hiasan di peringkat global dan kekal mempunyai potensi besar untuk terus memperluaskan penguasaan pasaran antarabangsa.



# Pantai Tapang serlah potensi Bachok sebagai Bandar Pelancongan Islam

Oleh: Syamimi Manah

**KOTA DARULNAIM, 4 Jun** — Pembangunan Pantai Tapang sebagai destinasi pelancongan komuniti yang berteraskan rekreasi keluarga, keusahawanan dan kelestarian alam sekitar menyerlahkan potensi Bachok untuk muncul sebagai Bandar Pelancongan Islam yang berdaya saing di Pantai Timur.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata, perkembangan positif kawasan tersebut membuktikan keupayaan produk pelancongan berasaskan komuniti dalam merencanakan ekonomi setempat serta memperkukuh sektor pelancongan negeri.

Menurutnya, Pantai Tapang yang dibangunkan oleh Rosli Mamat atau lebih dikenali sebagai Cikgu Lee bersama keluarganya kini semakin mendapat perhatian pengunjung kerana menawarkan suasana santai, selamat dan mesra keluarga di pesisir Laut China Selatan.

“Pantai Tapang bukan sekadar kawasan pantai biasa, sebaliknya telah berkembang menjadi sebuah destinasi rekreasi yang mengg-



abungkan pelbagai elemen pelancongan dalam satu lokasi.

“Keindahan pantainya yang bersih, kawasan lapang untuk beriadah serta suasana yang tenang menjadikan lokasi ini pilihan pengunjung yang ingin meluangkan masa bersama keluarga,” katanya menerusi laman sosial, semalam.

Katanya, antara tarikan utama Pantai Tapang ialah panorama matahari terbit yang memukau, persekitaran pantai yang terpelihara serta kemudahan rekreasi yang sesuai untuk seisi keluarga.

Menurutnya lagi, kewujudan pelbagai premis perniagaan termasuk kafe, gerai makanan dan perusahaan kecil tempatan turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi komuniti setempat.

“Pembangunan seperti ini bu-

kan sahaja memberi nilai tambah kepada sektor pelancongan negeri, bahkan membuka peluang pendapatan kepada penduduk sekitar melalui aktiviti keusahawanan dan perniagaan.

“Ia membuktikan bahawa produk pelancongan pantai mampu ditransformasikan menjadi produk pelancongan komuniti yang berjaya apabila dibangunkan secara terancang dan berterusan,” katanya.

Tambahnya, kejayaan Pantai Tapang turut melengkapkan rangkaian destinasi pelancongan pantai di Bachok termasuk Pantai Kemasin, Pantai Kemayang, Pantai Melawi, Pantai Senok dan Pantai Kandis.

Beliau optimis perkembangan tersebut memberi petunjuk positif terhadap usaha menjadikan Ba-

chok sebagai Bandar Pelancongan Islam yang menawarkan pengalaman pelancongan berasaskan nilai kekeluargaan, kebersihan, kesejahteraan komuniti serta penghargaan terhadap alam.

Sehubungan itu, beliau menyeru masyarakat dan pengunjung supaya bersama-sama memelihara kebersihan kawasan pantai bagi memastikan aset pelancongan negeri terus terjaga dan kekal menjadi tarikan utama pelawat domestik serta antarabangsa.

“Kelestarian alam sekitar merupakan elemen penting dalam pembangunan pelancongan. Komitmen semua pihak amat diperlukan bagi memastikan keindahan dan daya tarikan Pantai Tapang dapat dinikmati oleh generasi akan datang,” ujarnya.

## RM51,450 disalur kepada 150 penerima di DUN Kemahang



Oleh: Irham Hilmi Hashim

**TANAH MERAH, 4 Jun** - Sebanyak RM51,450 disalurkan kepada 150 penerima di DUN Kemahang menerusi pelbagai skim bantuan kebajikan sebagai usaha berterusan membantu golongan memerlukan serta memperkukuh jaringan keselamatan sosial masyarakat setempat.

Bantuan yang diagihkan meliputi Skim Bantuan Pelajar Cemerlang, Bantuan Sakit Kronik, Khairat Kifaalah dan Bantuan Ma'aruf Orang Kurang Upaya (OKU), sekali gus memberi manfaat kepada penerima daripada pelbagai latar belakang.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Kemahang YB Mejar (B) Dato' Anizam Ab Rahman berkata, penyaluran bantuan tersebut mencer-

minkan komitmen berterusan kerajaan negeri dalam memastikan kebajikan rakyat sentiasa menjadi keutamaan.

Menurutnya, bantuan yang disediakan bertujuan meringankan beban kewangan penerima dan manifestasi keprihatinan kerajaan terhadap keperluan rakyat di peringkat akar umbi.

“Semoga bantuan ini dapat

memberi sedikit kelegaan kepada penerima dalam meneruskan kehidupan serta memenuhi keperluan mereka mengikut kategori masing-masing,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas program penyampaian bantuan yang berlangsung di Pusat Khidmat DUN Kemahang pada 25 Mei lalu.

Menurutnya lagi, inisiatif tersebut selaras dengan hasrat kerajaan negeri untuk memastikan kebajikan rakyat terus terbela, khususnya golongan yang berdepan cabaran kehidupan dan memerlukan perhatian sewajarnya.

Majlis penyampaian bantuan disempurnakan oleh isterinya, Datin Nor Ashikin Ahmad yang turut meluangkan masa menyantuni para penerima.

# Saman hingga RM2,000 menanti pembuang sisa pukal dalam tong sampah awam



Oleh: Irham Hilmi Hashim

**KOTA BHARU, 4 Jun** — Individu yang membuang sisa pukal secara haram ke dalam tong sampah awam berdepan tindakan saman sehingga RM2,000 mengikut peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 serta Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah pihak berkuasa tempatan (PBT).

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata, masih terdapat segelintir pihak yang gagal

mematuhi kaedah pelupusan yang ditetapkan dengan menjadikan tong sampah awam sebagai tempat membuang sisa pukal dan sisa komersial.

Menurutnya, perbuatan tersebut bukan sahaja menyalahi undang-undang, malah menjejaskan operasi pengurusan sisa pepejal serta menyebabkan kerosakan kepada kemudahan awam yang disediakan untuk kegunaan harian penduduk.

“Pembuangan sisa pukal di dalam tong sampah awam secara haram adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah PBT yang boleh dikenakan saman sehingga RM2,000,” katanya dalam kenyataan media, semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas pertanyaan yang diterima berhubung tindakan membuang

sisa pukal ke dalam tong sampah awam.

Menurutnya, sisa pukal tidak sepatutnya dibuang ke dalam tong sampah awam, sebaliknya perlu dihantar terus ke tapak pelupusan yang berdaftar dengan PBT.

Katanya lagi, pelupusan sisa tersebut lazimnya tertakluk kepada caj tertentu yang dikenakan oleh operator tapak pelupusan.

Beliau menjelaskan, antara kategori sisa pukal dan sisa komersial yang dilarang dibuang ke dalam tong sampah awam termasuk bahan binaan, tiang rumah, pasir, batang pokok, perabot rumah, bahan toksik atau beracun serta bangkai haiwan seperti lembu, kambing dan anjing.

“Pembuangan sisa pukal atau komersial akan merosakkan tong sampah awam yang pastinya mengganggu operasi kutipan dan pembersihan yang dilaksanakan oleh pi-

hak berkuasa tempatan,” jelasnya.

Tambahnya, kerosakan kemudahan tersebut menjejaskan kelancaran sistem pengurusan sisa pepejal dan meningkatkan kos penyelenggaraan yang perlu ditanggung oleh PBT.

Sehubungan itu, beliau menyeru masyarakat supaya lebih bertanggungjawab dalam menguruskan sisa buangan dengan mematuhi prosedur pelupusan yang ditetapkan demi memastikan kebersihan, kesihatan awam dan kesejahteraan persekitaran terus terpelihara.

“Ayuh masyarakat dan rakyat Kelantan, sama-sama kita patuhi cara pembuangan sampah yang betul untuk membina negeri yang bersih dan sihat,” ujarnya.

Beliau juga menegaskan kerjasama semua pihak amat penting dalam menjayakan agenda kebersihan negeri serta memastikan kemudahan awam dapat dimanfaatkan secara optimum oleh seluruh masyarakat.

## KFLI cungkil potensi kepimpinan anak muda Kelantan

Oleh: Syamimi Manah

**KOTA DARULNAIM, 4 Jun** – Kelantan Future Leaders Institute (KFLI) terus memainkan peranan penting dalam mencungkil dan membangunkan potensi kepimpinan anak muda Kelantan sebagai perediaan melahirkan barisan pelapis yang mampu menerajui negeri pada masa hadapan.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhamad berkata, usaha membentuk pemimpin muda perlu dilaksanakan secara terancang dan berterusan kerana kepimpinan bukan sesuatu yang lahir secara kebetulan, sebaliknya dibentuk melalui proses pendidikan, latihan dan pengalaman.

Menurutnya, walaupun terdapat individu yang dikurniakan bakat semula jadi, kebanyakan tokoh yang berjaya dalam pelbagai bidang mencapai kecemerlangan hasil kesungguhan, disiplin dan proses pembentukan yang berterusan.

“Falsafah melentur buluh biarlah dari rebungnya mesti menjadi asas dalam usaha melahirkan pemimpin masa depan yang berwibawa. Nilai jati diri, integriti dan kemahiran berfikir secara strategik perlu diterap-



kan sejak usia muda lagi,” katanya di laman rasmi, semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas pelaksanaan Kelantan Future Leaders Camp yang berlangsung di Damai Village Resort, Pantai Cahaya Bulan (PCB) pada 2 hingga 4 Jun ini sebagai sebahagian daripada inisiatif pembangunan kepimpinan belia negeri.

Program tersebut melibatkan 150 pelajar lepasan SPM yang telah ditapis permohonan mereka mengikut merit kepimpinan di sekolah.

Mengulas lanjut, YB Zamakhshari berkata Kerajaan Negeri mengambil langkah proaktif melalui KFLI bagi menyediakan ekosistem pembangunan belia yang holistik dan berstruktur merangkumi aspek sahsiah, diplomasi, komunikasi,

penyelesaian masalah serta kefahaman terhadap tadbir urus.

Katanya lagi, program tersebut turut memberi fokus kepada usaha mengenal pasti dan menggilap bakat kepimpinan dalam kalangan pelajar sekolah, mahasiswa serta belia di peringkat komuniti agar mereka lebih bersedia menghadapi cabaran masa depan.

“Kita mahu anak muda Kelantan melonjak ke hadapan dan bersedia menjadi suara penting dalam landskap kepimpinan negara.

“Mereka perlu didedahkan dengan realiti pentadbiran dan pengurusan supaya tidak kekok apabila tiba masanya memikul amanah kepimpinan,” jelasnya.

Beliau turut menegaskan bahawa

KFLI bukan sekadar program jangka pendek, sebaliknya merupakan pelaburan strategik Kerajaan Negeri dalam membentuk generasi pemimpin yang mampu memacu kemajuan Kelantan pada masa hadapan.

“Seorang pemimpin bukan sekadar memegang jawatan, tetapi memikul tanggungjawab untuk mencestuskan perubahan. Generasi muda yang dibentuk hari ini bakal menentukan corak kemajuan, kemakmuran dan kelangsungan negeri pada masa akan datang,” ujarnya.

Tambahnya, melalui acuan KFLI, Kelantan berupaya melahirkan barisan pemimpin masa depan yang matang, berjiwa besar, berintegriti dan sentiasa bersedia untuk berkhidmat kepada masyarakat serta negeri.

# Pusat Ternakan Rusa Rong Chenok jadi pusat pembelajaran penternakan

Oleh: Asri Hamat

PASIR MAS, 4 Jun – Pusat Ternakan Rusa Rong Chenok diharap terus memainkan peranan penting sebagai pusat pembelajaran dan pendedahan maklumat berkaitan penternakan kepada masyarakat, kata Exco Pertanian, Industri Agro Makanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail.

Mengulas lanjut beliau menjelaskan, kewujudan pusat ternakan itu memberi peluang kepada masyarakat, khususnya generasi muda, mengenali dengan lebih dekat selok-belok penternakan rusa, lembu dan ternakan lain secara langsung.

Katanya, pengalaman sedemikian mampu melahirkan minat baharu serta mendekatkan masyarakat dengan industri pertanian dan penternakan negara.

“Pengalaman sebegini tidak ternilai harganya kerana ia dapat melahirkan minat baharu dan mendekatkan masyarakat dengan industri pertanian dan penternakan negara.”

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Program Promosi Agropelancongan Rusa Rong Chenok dan Pertandingan Memancing Tahun 2026 di Rong Chenok, di sini, hari ini.



Tambahnya, ladang berkenaan pada asalnya dikenali sebagai Pusat Ternakan Mahligai, Tanah Merah sebelum ditukar nama kepada Ladang Ternakan Rusa Rong Chenok pada tahun 1993.

Menurutnya lagi, ladang tersebut dirasmikan oleh mantan Menteri Besar Kelantan Allahyarham Tan Sri Dato' Bentara Setia Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat pada tahun 1995 dengan populasi rusa sebanyak 120 ekor.

“Perjalanan panjang selama lebih tiga dekad inilah yang akhirnya membentuk Pusat Ternakan Rusa Rong Chenok menjadi sebuah pusat ternakan rusa yang terkemuka di Kelantan dengan populasi kini telah berkembang kepada 430 ekor,” jelasnya.

Sehubungan itu, beliau menyeru semua pihak supaya terus

menyokong dan menyemarakkan industri agropelancongan di pusat ternakan berkenaan.

Katanya, ladang itu wajar dijadikan pusat rujukan, pusat pembelajaran dan destinasi agropelancongan yang menjadi kebanggaan rakyat Kelantan.

Sementara itu, menyentuh sektor daging lembu segar negara, beliau berkata, sasaran Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia menjelang tahun 2030 adalah mencapai 50 peratus Tahap Sara Diri (SSR) bagi daging lembu segar.

Menurutnya, Kelantan kini berada di landasan tepat ke arah sasaran itu dengan pencapaian SSR sebanyak 27.25 peratus yang menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun.

Katanya, pencapaian itu mencerminkan kesungguhan penternak di

negeri berkenaan dalam meningkatkan pengeluaran ternakan.

Beliau mengakui kejayaan itu turut dapat dilihat sempena sambutan Hari Raya Aidiladha tahun ini apabila sebanyak 11,871 ekor ternakan direkodkan disembelih di seluruh Kelantan.

“Kemeriahan sambutan Hari Raya Aidiladha yang kita nikmati bersama keluarga dan masyarakat itu tidak mungkin dapat direalisasikan sekiranya penternak-penternak negeri kita tidak mampu membekalkan lembu-lembu yang berkualiti tinggi dan mencukupi,” katanya.

Turut hadir, Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah, Ketua Jajahan Pasir Mas Fazrul Azan Mohd Basari dan Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan Yahasmida Yaacob.



# Kelantan Bird Photography 2026 promosi biodiversiti, ekopelancongan negeri

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 2 Jun - Program Kelantan Bird Photography 2026 yang menghimpunkan komuniti pencinta fotografi alam dilihat berperanan dalam mempromosikan keindahan biodiversiti serta ekopelancongan Kelantan.

Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamaruddin Md Noor berkata, penganjuran program berkenaan disifatkan sebagai satu inisiatif yang mengangkat seni fotografi sebagai medium kreatif dan memperkenalkan khazanah alam semula jadi Kelantan kepada khalayak secara lebih meluas.

Katanya, Kelantan sememangnya kaya dengan kepelbagaian flora, fauna dan ekosistem yang bernilai tinggi.



“Melalui lensa para peserta, keindahan alam semula jadi negeri ini berjaya dirakam dan diterjemahkan dalam bentuk visual yang mampu menjadi medium promosi pelancongan yang berkesan.

“Setiap gambar yang dihasilkan bukan sekadar karya seni, tetapi turut membawa cerita tentang keunikan alam dan warisan biodiversiti yang kita miliki,” katanya menerusi media sosial, pada Isnin.

Terdahulu, Datuk Kamaruddin merasmikan Majlis Penutup Kelantan Bird Photography 2026 yang berlangsung di kawasan Hutan Bukit Bakar, Machang pada Isnin yang turut dihadiri Ahli Dewan Negeri (ADN) Kemuning YB Ahmad Zakhran Mat Noor.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Pertubuhan Fotografi Kelantan (KELFOTO) serta seluruh jawatankuasa penganjur atas

kejayaan menganjurkan program berkenaan.

“Tahniah dan syabas kepada KELFOTO serta seluruh jawatankuasa penganjur atas kejayaan menganjurkan program yang unik dan berimpak tinggi ini,” katanya.

Tambahnya, penganjuran program di Hutan Bukit Bakar turut membuktikan kawasan semula jadi di negeri ini mempunyai potensi besar untuk dibangunkan sebagai produk ekopelancongan yang mampan.

Sehubungan itu, beliau berharap program seumpama itu dapat terus diperluaskan pada masa hadapan bagi memelihara alam sekitar, meningkatkan kesedaran masyarakat serta memperkukuh kedudukan Kelantan sebagai destinasi pelancongan alam semula jadi yang menarik di Malaysia.

# Lensa fotografer antarabangsa pendekatan diplomasi visual Kelantan-Singapura

Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 22 Mei – Kelantan terus memperkukuh kedudukannya sebagai destinasi pelancongan antarabangsa apabila menjalin jaringan industri pelancongan lebih erat dengan Singapura melalui pendekatan diplomasi visual menerusi program fotografi antara-bangsa Malaysia Through My Lens 2026.

Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamarudin Md Nor berkata, program tersebut menjadi platform strategik dalam memperkenalkan keunikan Kelantan kepada pasaran antarabangsa menerusi hasil karya jurugambar profesional dan penceritaan visual kreatif.

Menurutnya, kehadiran delegasi daripada Malaysia Association in Singapore (MASIS), The Photographic Society of Singapore (PSS) serta peserta program Malaysia Through My Lens membuktikan keyakinan terhadap potensi besar Kelantan sebagai destinasi pelancongan berasaskan budaya, warisan dan alam semula jadi.

“Kerajaan Negeri Kelantan amat mengalu-alukan kehadiran semua peserta dari Singapura ke bumi Kelantan Darul Naim. Kehadiran jurufoto profesional amat bermakna dalam usaha mempromosikan produk pelancongan negeri ini kepada masyarakat antarabangsa melalui seni fotografi dan penceritaan visual yang kreatif.

“Program seperti ini amat signifikan kerana fotografi ialah seni yang boleh dijadikan instrumen promosi pelancongan yang san-



gat berpengaruh dalam era digital masa kini. Setiap gambar yang dirakam dan dikongsi mempunyai potensi besar untuk menginspirasi ribuan pelancong dari seluruh dunia datang meneroka Kelantan,” jelasnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan program Malaysia Through My Lens 2026 di sebuah hotel, di sini, semalam.

Beliau berpuas hati dengan kerjasama strategik antara Tourism Malaysia, MASIS dan PSS yang berjaya menghimpunkan 30 peserta termasuk jurugambar antarabangsa tersohor, William Chua yang pernah meraih pengiktirafan Southeast Asia Photographer of the Year 2025 dan World’s Top 10 Travel Photographer 2022.

“Penglibatan tokoh fotografi bertaraf dunia seperti William Chua merupakan satu penghormatan besar buat Kelantan dan membuka peluang luas untuk negeri ini dipromosikan di peringkat global melalui karya visual berkualiti tinggi,” katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata Kelantan memiliki kekayaan luar biasa daripada aspek warisan budaya, seni tradisional, gastronomi unik serta landskap alam semula jadi yang mempesona.

Katanya lagi, keindahan pembuatan wau, persembahan wayang kulit, dikir barat dan silat, selain pesona kampung tradisional, masjid bersejarah serta destinasi alam semula jadi seperti Dabong dan Gunung Stong menjadikan negeri ini kaya dengan pengalaman yang wajar diterokai.

Pada masa sama, beliau turut menyambut baik pengenalan laluan penerbangan terus Scoot dari Singapura ke Kota Bharu yang disifatkan sebagai perkembangan positif dalam memperkukuh hubungan pelancongan antara kedua-dua destinasi.

“Laluan penerbangan ini diyakini mampu membuka lebih banyak peluang ekonomi kepada pemain industri pelancongan tempatan termasuk sektor hospitaliti, pengangkutan, kraftangan, gastronomi serta

“

Penglibatan tokoh fotografi bertaraf dunia seperti William Chua merupakan satu penghormatan besar buat Kelantan dan membuka peluang luas untuk negeri ini dipromosikan di peringkat global melalui karya visual berkualiti tinggi”

perusahaan kecil.

“Peningkatan kedatangan pelancong antarabangsa khususnya dari Singapura juga diharap dapat menggalakkan syarikat penerbangan menambah kekerapan penerbangan terus ke Kota Bharu pada masa depan,” ujarnya.

Dalam pada itu, beliau turut merakamkan penghargaan kepada Tourism Malaysia atas komitmen berterusan mempromosikan Kelantan sebagai destinasi pilihan pelancong antarabangsa.

“Kita berharap kerjasama strategik seperti ini dapat diteruskan menerusi lebih banyak program promosi, lawatan suai kenal (familiarisation trip) dan jaringan industri pelancongan pada masa hadapan,” katanya.

Beliau juga yakin semua peserta program akan memperoleh pengalaman bermakna sepanjang berada di Kelantan serta pulang dengan koleksi fotografi menarik sekali gus membawa bersama kenangan tentang keramahan rakyat, kekayaan budaya dan keindahan negeri ini.





Lensa fotografer antarabangsa pendekatan diplomasi visual Kelantan-Singapura

## 150 peserta, 11 negara meriahkan Pesta Wau Antarabangsa 2026

Oleh: Asri Hamat

**BACHOK**, 24 Mei – 150 peserta mewakili 11 negara memeriahkan Pesta Wau Antarabangsa 2026 kategori Kebangsaan, ASEAN dan Jemputan Ke-43.

Pesta tersebut berlangsung Pantai Irama Bachok pada 20 hingga 23 Mei lepas.

Penyertaan dari seluruh Malaysia melibatkan pemain yang berbilang di bawah Majlis Pelayang Malaysia (MPM), bahkan turut disertai peserta antarabangsa dari 10 negara.

Negara-negara tersebut ialah Thailand, Indonesia, Kemboja, Filipina, Brunei Darussalam, Macau, China, Hong Kong, Sweden dan Amerika Syarikat.

Timbalan Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Zameri Mat Nawang berkata, penyertaan dari pelbagai negara membuktikan Kelantan terus mendapat perhatian dunia sebagai destinasi pelancongan budaya yang unik serta kaya dengan nilai warisan.

“Saya berharap penyertaan mereka dalam acara ini akan memberikan pengalaman yang hebat dan tidak dapat dilupakan, yang boleh dikongsikan bersama rakan-rakan, komuniti dan juga negara mereka.

“Saya juga berharap kisah hebat tentang Kelantan akan memberi inspirasi kepada mereka untuk terus datang ke Kelantan dan memberitahu rakan mereka bahawa Kelan-



tan ialah sebuah negeri yang selamat di Malaysia.”

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan acara berkenaan di Pantai Irama, di sini, pada Sabtu.

Menurutnya, pesta wau bukan sekadar pertandingan atau hiburan semata-mata, sebaliknya menjadi simbol identiti budaya dan warisan masyarakat Melayu yang perlu terus dipelihara dan diwariskan kepada generasi akan datang.

Katanya lagi, wau membawa nilai seni, kreativiti, ketelitian serta semangat kebersamaan yang tinggi.

“Tema ‘Wau Sepanjang Zaman’ yang diketengahkan pada tahun ini amat bertepatan dalam usaha memastikan seni permainan tradisional ini terus relevan merentasi generasi dan dikenali di peringkat antarabangsa,” jelasnya.

Beliau juga memaklumkan, kerajaan negeri melalui portfolio pelancongan sentiasa komited memperkasakan sektor pelancongan budaya dan komuniti sebagai pemangkin ekonomi rakyat.

“Program seperti ini bukan sahaja mampu menarik kehadiran pelancong domestik dan antarabangsa, malah turut memberi manfaat kepada usahawan tempatan, penggiat seni budaya, pengusaha makanan serta komuniti setempat khususnya di Bachok.

“Pantai Irama yang menjadi lokasi utama festival ini juga mempunyai potensi besar sebagai produk pelancongan keluarga dan rekreasi yang terus berkembang di negeri Kelantan,” ujarnya.

Beliau turut berharap agar pengajuran festival tersebut terus diperkasakan pada masa hadapan dengan lebih banyak pengisian

“Tema ‘Wau Sepanjang Zaman’ yang diketengahkan pada tahun ini amat bertepatan dalam usaha memastikan seni permainan tradisional ini terus relevan merentasi generasi dan dikenali di peringkat antarabangsa”

kreatif, inovatif dan bertaraf antarabangsa agar seni wau terus terbang megah membawa nama Kelantan ke persada dunia.

Dalam pesta kali ini, sebanyak 15 kategori dipertandingkan melibatkan lebih 400 wau, antaranya wau bercahaya antarabangsa, wau berwarna-warni, wau daun dan wau bulan yang menyaksikan Kelantan muncul juara keseluruhan.

Turut hadir, Ahli Dewan Negeri (ADN) Pantai Irama, YB Mohd Huzaimy Che Husin, Ketua Jajahan Bachok Mohd Zaki Yusoff, Ketua Pengarah Jabatan Warisan Negara Mohamad Muda Bahadin, Pengarah Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC) Mohd Azwan Ab Rahman, Presiden Majlis Pelayang Malaysia (MPM) A. Rahim Nin serta Ketua Polis Bachok Supt. Mohamad Ismail Jamaluddin.

